

TARIKH	17 NOVEMBER 2025 (ISNIN)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	PENGAWASAN LEMAH BUKA PELUANG SALAH LAKU		
M/S	12 (LOKAL)	KATA KUNCI	MANAGEMENT
BIDANG	CIVIL SERVICE		

Putrajaya: Institut Integriti Malaysia (IIM) menegaskan isu rasuah dalam kalangan penjawat awam tidak akan selesai selagi wujud ruang godaan dan kelemahan penyeliaan dalam agensi.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IIM Datuk Ahmad Ramdzan Daud berkata, walaupun kerajaan meletakkan Ketua Unit Integriti (KUI) daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di setiap agensi, pengawasan yang lemah masih membuka peluang berlakunya salah laku.

"Sekiranya mereka itu kita keluarkan, kita ganti dengan orang lain...kita tidak bawa keluar dari segi

RASUAH DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM

Pengawasan lemah buka peluang salah laku

godaan, ia akan tetap berlaku.

"Penyeliaan dalaman adalah faktor kritikal dalam mana-mana organisasi dan tidak wajar bergantung sepenuhnya kepada SPRM," katanya ketika sidang media selepas merasmikan Kempen Integriti dan Antirasuah (KIA) 2025 di Pejabat IKRAM, di sini, semalam.

Turut hadir ialah Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM Datuk Ahmad Nizam Ismail dan Presiden Pertubuhan IKRAM (IKRAM) Malaysia



Penyeliaan dalaman adalah faktor kritikal dalam mana-mana organisasi dan tidak wajar bergantung sepenuhnya kepada SPRM"

Ahmad Ramdzan

Badlishah Sham Bahari.

Beliau berkata, pendidikan integriti perlu diper-

kasa sebelum seseorang memasuki alam pekerjaan kerana semata-mata ber-

gantung kepada hukuman dan penguatkuasaan tidak akan menyelesaikan isu secara jangka panjang.

"Kita tidak boleh pergi kepada penguatkuasaan dan juga hukuman undang-undang dalam satu tempoh masa yang panjang...kita kena memperkukuhkan dari segi pendidikan," katanya.

Dalam masa sama, beliau menegaskan sindiket jenayah sentiasa cuba mencari ruang dan peluang untuk memengaruhi penjawat awam, justeru mekanisme paman-

tauan perlu diperkemas dari peringkat asas.

Terdahulu media melaporkan, sebanyak 79 daripada 1,022 kes rasuah yang dilaporkan kepada SPRM dari Januari hingga September tahun ini adalah membabitkan pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Ketua Polis Negara Datuk Seri Mohd Khalid Ismail berkata, hal itu sekali gus menunjukkan isu integriti dalam pasukan berkenaan masih memerlukan perhatian dan tindakan berterusan.